

PERAMAL KECENDERUNGAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELATIH PUSAT GIAT MARA

HAMZAH ISMAIL¹ DAN ZULNAIDI YAACOB^{2*}

¹Pusat Giat MARA, Plaza Lenggong, B-11, Jalan Alang Iskandar, Lenggong, 33400 Perak.

²Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia 11800 Penang.

*Pengarang koresponden: zulnaidi@usm.my

Abstrak: Sistem pendidikan di Malaysia berhasrat melahirkan lebih ramai pencipta pekerjaan. Namun, situasi semasa menunjukkan penyertaan pelajar dalam bidang keusahawanan masih perlu dipertingkatkan. Justeru, kajian ini bertujuan menentukan peramal kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelatih di sebuah Pusat Giat MARA. Tiga faktor peramal yang dikaji adalah selari dengan Teori Tingkah Laku Terancang iaitu sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Soal selidik telah diedarkan kepada 60 responden. Ujian regresi mendapati bahawa ketiga-tiga faktor iaitu sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku merupakan faktor peramal yang signifikan kepada kecenderungan keusahawanan. Kajian ini memperkaya literatur berkaitan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar teknikal serta menjadi input kepada institusi latihan dalam merangka ekosistem keusahawanan yang lebih berkesan.

Kata kunci: Keusahawanan, pendidikan teknikal, teori tingkah laku terancang

THE PREDICTORS OF ENTREPRENEURIAL INCLINATION OF PUSAT GIAT MARA TRAINEES

Abstract: The education systems in Malaysia aims to produce more job creators. However, the current scenario shows there is a need to increase the participation of students in entrepreneurship. Thus, the objective of this study is to determine the predictors of entrepreneurial intention of trainees of Pusat GIAT MARA. Three independent variables were investigated, namely personal attitude, subjective norm and behavior control. Data were collected from 60 respondents. Based on regression analysis, this study found significant relationship between all three independent variables and entrepreneurial intention. In short, this study enriches the literature on entrepreneurial intention and provides input to the technical training institutions in creating a more efficient entrepreneurship ecosystem.

Keywords: Entrepreneurship, technical education, theory of planned behaviour

Pendahuluan

Kecenderungan keusahawanan merupakan isu tumpuan dalam literatur keusahawanan dan ramai pengkaji memberi perhatian terhadap isu kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar (Skosana, 2014; Iwu *et al.*, 2016; Olugbola, 2017). Walaupun kajian kecenderungan keusahawanan mula dilaporkan dalam literatur sekitar 30 tahun dahulu, literatur

tentang isu kajian ini terus berkembang yang menggambarkan bahawa isu kajian ini menarik minat ramai penyelidik (Fayolle & Linan, 2014). Fokus kajian kecenderungan keusahawanan yang menjadikan kumpulan pelajar sebagai responden adalah selari dengan usaha yang sedang dimainkan oleh pihak kerajaan dan institusi pengajian dalam memperkukuh program keusahawanan dalam

kalangan pelajar (Eresia-eki *et al.*, 2016). Hal ini kerana aktiviti keusahawanan memberi manfaat seperti mengurangkan sebahagian tekanan berkaitan bilangan peluang pekerjaan baharu yang semakin mengecil. Selain daripada meningkatkan bilangan peluang pekerjaan baharu (Chia & Liang, 2016), aktiviti keusahawanan juga dapat menyokong asas ekonomi sesebuah negara melalui peningkatan produktiviti, daya saing dan inovasi dalam kalangan masyarakat. Peningkatan inovasi berlaku hasil daripada sifat usahawan sebagai peneroka idea baharu (Iwu *et al.*, 2016). Selain daripada itu, aktiviti keusahawanan juga dapat menyokong hala tuju negara untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Hal ini kerana keusahawanan dapat menyumbang kepada pendapatan dan simpanan individu yang lebih tinggi serta menyumbang hasil yang lebih tinggi kepada kerajaan (Dinc & Budic, 2016) melalui kutipan cukai termasuk cukai korporat, cukai barangan dan perkhidmatan, bayaran lesen, yuran, duti dan cukai eksport.

Walaupun kajian kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar merupakan satu topik yang mendapat perhatian dalam literatur, namun lebih banyak kajian diperlukan untuk membina literatur yang lebih kukuh. Hal ini kerana aplikasi hasil kajian lepas ke atas kelompok pelajar yang berbeza perlu dibuat dengan berhemah memandangkan kecenderungan keusahawanan pelajar perlu diuruskan secara kontekstual. Sebagai contoh, pelajar daripada bidang pengajian yang berbeza didapati mempunyai kecenderungan keusahawanan yang berbeza (Eresia-eki *et al.*, 2016). Malahan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar dari negara yang berlainan juga didapati berbeza secara signifikan seperti ditunjukkan oleh Torres *et al.* (2017) dalam kajian yang membandingkan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar di lima negara Amerika Latin iaitu Chile, Colombia, Ecuador, Peru dan Venezuela. Dalam kata lain, generalisasi hasil kajian tanpa menilai keperluan kontekstual boleh mengundang risiko keberkesanan aplikasi yang dilakukan. Hal ini termasuklah aktiviti intervensi keusahawanan

ke atas kumpulan pelajar yang berbeza perlu mengambil kira keperluan kumpulan pelajar berkenaan (Eresia-eki *et al.*, 2016). Komitmen literatur dalam mengkaji kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelatih teknikal masih belum memadai, iaitu lompang yang cuba dipenuhi oleh kajian ini dengan menjadikan pelatih Pusat Giat MARA sebagai unit analisis kajian. Kajian ini signifikan untuk menilai keberkesanan program Pusat Giat MARA dalam melahirkan usahawan kerana salah satu matlamat latihan yang disediakan ialah melahirkan usahawan belia yang berkemahiran tinggi dalam bidang teknikal.

Kajian kecenderungan keusahawanan yang menggunakan pelajar seperti dalam kajian ini sebagai unit analisis adalah signifikan sejajar dengan peranan yang dimainkan oleh ekosistem pendidikan dalam melahirkan usahawan. Mengikut Iwu *et al.* (2016), pendidikan keusahawanan memainkan peranan dalam mendorong keputusan individu bergelar usahawan. Dalam persekitaran pendidikan, aktiviti intervensi yang bersesuaian dapat dilakukan supaya dorongan untuk pelajar menceburi keusahawanan dapat ditingkatkan. Selain daripada itu, kajian ke atas pelajar tahun akhir seperti kajian ini adalah lebih sesuai berbanding dengan pelajar pada tahun lebih awal kerana Torres (2017) mendapati bahawa tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar adalah paling tinggi ketika mereka berada pada pengajian tahun akhir.

Penyataan Masalah

Mengikut Global Entrepreneurship Monitor (2013), Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai ekosistem yang sangat menyokong aktiviti keusahawanan dalam aspek infrastruktur dan kewangan. Namun demikian, kecenderungan terhadap keusahawanan dan sikap positif terhadap keusahawanan dalam kalangan penduduk negara ini adalah antara yang terendah di rantau Asia Pasifik dan Asia Tenggara. Walaupun negara mempunyai polisi yang meransang aktiviti keusahawanan, laporan tersebut menegaskan bahawa sektor

pendidikan adalah salah satu sektor yang perlu diperkembangkan dalam usaha negara melahirkan lebih ramai usahawan. Sebagai sebuah negara ekonomi yang sedang berkembang, kajian keusahawanan di Malaysia perlu dipertingkatkan memandangkan kajian keusahawanan dalam kalangan negara ekonomi sedang berkembang masih belum memadai (Dinc & Budic, 2016). Selain daripada itu, jumlah penglibatan rakyat dalam keusahawanan di negara membangun juga rendah (Santi, Hamzah & Rahmawati, 2017) yang sekali gus menunjukkan keperluan untuk lebih banyak kajian ilmiah dilakukan ke atas isu ini.

Justeru, dokumen perancangan pengajian tinggi Malaysia secara jelas menyatakan sasaran untuk melahirkan lebih ramai usahawan dalam kalangan pelajar dan lepasan institusi pengajian tinggi. Perkara ini ditunjukkan dalam Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020. Namun demikian, bilangan lulusan pengajian tinggi yang menceburi keusahawanan masih pada kadar yang rendah, sekali gus menunjukkan permasalahan ini masih memerlukan penelitian saintifik supaya strategi yang berkesan dapat diwujudkan merangkumi penilaian semula ke atas peranan penggubal dasar, institusi pendidikan dan masyarakat umum.

Objektif Kajian

Selari dengan latar belakang dan penyataan masalah yang diuraikan dalam bahagian sebelum ini, kajian ini mensasarkan objektif untuk menentukan hubungan antara sikap peribadi, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku dengan kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelatih di Pusat Giat MARA.

Peramal Kecenderungan Keusahawanan

Kecenderungan keusahawanan adalah topik teras dalam literatur keusahawanan, dan pertumbuhan literatur dalam bidang ini didasari oleh penyelidikan silang bidang yang disandarkan kepada teori yang dibina dalam bidang psikologi kognitif (Fayolle & Linan,

2014). Sejak Teori Tingkah Laku Terancang dibangunkan oleh Ajzen pada tahun 1987 dan Teori Peristiwa oleh Shapero pada tahun 1975, kajian ke atas kecenderungan keusahawanan terus berkembang termasuklah beberapa kajian mutakhir yang mengkaji kecenderungan keusahawanan merangkumi pelbagai kumpulan unit analisis seperti pelajar (Wach & Wojciechowski, 2016) dan wanita (Dinc & Budic, 2016).

Literatur tentang faktor kecenderungan keusahawanan boleh dibahagikan kepada dua aliran utama iaitu faktor individu dan faktor luaran. Faktor individu terdiri daripada faktor kontekstual dan kognitif (Skosana, 2014). Faktor kontekstual memperihalkan kaitan antara karakter atau ciri individu dengan kecenderungan untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan, manakala faktor kognitif menegaskan bahawa kecenderungan keusahawanan individu adalah berkait dengan pandangan atau persepsi terhadap keusahawanan. Faktor kontekstual pula dikembangkan kepada umur, jantina, agama dan pengalaman lepas dalam keusahawanan. Faktor kognitif pula dikembangkan kepada sikap peribadi, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku iaitu berasaskan Teori Kawalan Tingkah Laku oleh Ajzen (1991). Mengikut Chia dan Liang (2016), Teori Kawalan Tingkah Laku merupakan antara teori yang paling kerap digunakan oleh pengkaji yang meneliti kecenderungan keusahawanan, di samping Teori Peristiwa (Shapero & Sokol, 1982). Hal ini kerana tindakan individu melibatkan diri dalam keusahawanan merupakan satu tindakan sukarela yang dilakukan secara sistematik iaitu satu tindakan terancang (Krueger *et al.*, 2000) ke arah memiliki perniagaan sendiri (Thompson, 2009). Dalam kata lain, pembabitan individu dalam keusahawanan bukan merupakan peristiwa yang tidak dirancang atau berlaku secara kebetulan.

Sikap Peribadi

Sikap peribadi mempunyai hubungan signifikan dengan kecenderungan keusahawanan (Robledo *et al.*, 2015; Dinc & Budic, 2016; Wach &

Wojciechowski, 2016; Palupi & Santoso, 2017; Santi *et al.*, 2017). Sikap peribadi terhadap keusahawanan boleh positif atau negatif bergantung kepada penilaian yang dibuat oleh individu terhadap keusahawanan termasuk manfaat yang dapat diperoleh daripada aktiviti yang dilakukan. Sikap peribadi individu terhadap keusahawanan berkait dengan keupayaan peribadi yang terdapat pada individu berkenaan seperti kreatif dan inovatif. Individu yang mempunyai daya kreativiti yang lebih tinggi adalah lebih cenderung terhadap keusahawanan (Chai & Liang, 2016). Usahawan menggunakan kreativiti dalam mengenalpasti peluang perniagaan melalui inovasi untuk menambah nilai dengan menggunakan keupayaan untuk memotivasi sepasukan manusia bagi memberi penyelesaian kepada permasalahan masyarakat yang khusus. Mereka merupakan seorang pelaksana transformasi iaitu individu yang sentiasa berusaha keluar dari zon selesa (Tores *et al.*, 2017).

Norma Subjektif

Norma subjektif adalah peramal signifikan kepada kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar di Poland (Wach & Wojciechowski, 2016) dan Indonesia (Santi *et al.*, 2017). Hal yang sama ditemui dalam kajian Dinc dan Budic (2016) ke atas responden wanita di Persekutuan Bosnia dan Herzegovina. Keputusan kajian tersebut menunjukkan bahawa pihak-pihak di sekeliling seseorang individu mempunyai pengaruh dalam menentukan kecenderungan keusahawanan individu berkenaan. Norma subjektif adalah tanggapan individu terhadap pandangan dari pihak di sekelilingnya terhadap penyertaannya dalam aktiviti keusahawanan seperti pandangan daripada ahli keluarga, rakan-rakan dan rangkaian sosial termasuk ikon atau figura rujukan (Palupi & Santoso, 2017). Individu yang mempunyai ibu bapa dan ahli keluarga lain yang menceburi keusahawanan menjadikan mereka sebagai rujukan untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan (Torres *et al.*, 2017). Bagi individu yang mendapat sokongan untuk terlibat

dalam keusahawanan daripada ahli keluarga dan rangkaian sosial mereka yang juga bergelar usahawan, maka norma subjektif mereka adalah tinggi dan seterusnya meningkatkan kecenderungan keusahawanan mereka.

Kawalan Tingkah Laku

Individu yang mempunyai kawalan tingkah laku yang tinggi mempunyai kecenderungan keusahawanan yang tinggi (Krueger & Brazeal, 1994; Dinc & Budic, 2016; Wach & Wojciechowski, 2016) termasuk dalam kalangan pelajar (Robledo *et al.*, 2015). Kawalan tingkah laku individu berkaitan keusahawanan adalah tentang kepercayaan individu akan keupayaannya untuk menghadapi cabaran yang wujud dalam memainkan peranan sebagai seorang usahawan. Cabaran perniagaan yang perlu dihadapi oleh usahawan yang mahu memulakan perniagaan termasuklah proses penubuhan perniagaan, mengekalkan daya saing perniagaan, membina idea perniagaan yang berdaya maju dan menguruskan hal ehwal teknikal dalam pengurusan perniagaan (Robledo *et al.*, 2015). Individu yang tidak mempunyai keupayaan untuk menghadapi cabaran keusahawanan tidak cenderung untuk menjadi usahawan seperti ditemui dalam kajian Palupi dan Santoso (2017). Hal ini termasuklah responden yang berpandangan bahawa mereka tidak mempunyai keupayaan untuk mengurus perniagaan, memimpin pasukan dan memulakan penubuhan sebuah perniagaan.

Justeru, institusi pengajian wajar menyediakan peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan potensi keusahawanan melalui aktiviti keusahawanan sebenar seperti menubuhkan perniagaan dalam kampus. Melalui aktiviti ini, pelajar dapat mengukur keupayaannya menghadapi cabaran dalam keusahawanan. Malah kajian lepas mendapati penyertaan pelajar dalam aktiviti keusahawanan memberi kesan positif ke atas kecenderungan keusahawanan mereka (Linan & Fayolle, 2015). Hal ini menunjukkan bahawa pendedahan individu terhadap keusahawanan boleh mempengaruhi kecenderungan mereka untuk


bergelar usahawan. Hal ini juga dilaporkan dalam kajian perbandingan oleh Susanj *et al.* (2015). Dalam kajian tersebut yang membandingkan pelajar pengajian perniagaan dengan pelajar bidang lain, mereka mendapati hubungan antara kawalan tingkah laku dan kecenderungan keusahawanan adalah lebih kuat dalam kalangan pelajar pengajian perniagaan.

Perbincangan dalam literatur mengarah kepada penjana tiga hipotesis iaitu:

- H1: Terdapat hubungan antara sikap peribadi dan kecenderungan keusahawanan
- H2: Terdapat hubungan antara norma subjektif dan kecenderungan keusahawanan
- H3: Terdapat hubungan antara kawalan tingkah laku dan kecenderungan keusahawanan

Model Kajian

Rajah 1 menunjukkan model kajian yang dibangunkan berdasarkan Teori Tindakan Terancang oleh Ajzen (1991). Berdasarkan Rajah 1, tiga pemboleh ubah tidak bersandar ialah sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Pemboleh ubah bersandar pula ialah kecenderungan keusahawanan.



Rajah 1: Model kajian

Metodologi Kajian

Data kajian telah dikutip daripada semua pelatih tahun akhir di sebuah Pusat Giat MARA daripada tiga kursus kemahiran iaitu Teknologi Sistem Komputer, Teknologi Motorsikal dan Fesyen dan Pembuatan Pakaian. Justeru tiada teknik pensampelan yang diaplikasikan kerana pensampelan melibatkan semua populasi kajian yang telah dikenal pasti.

Edaran soal selidik kepada responden telah dibuat semasa kelas berlangsung dengan kebenaran tenaga pengajar berkaitan. Satu taklimat telah diberikan kepada pelatih tentang tujuan soal selidik dan kerahsiaan maklumat maklumbalas yang diberikan. Tempoh masa sehingga 10 minit diberikan kepada pelatih untuk melengkapkan soal selidik.

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi daripada Linan dan Chen (2009) yang diringkaskan dalam Jadual 1. Setiap pernyataan diukur dengan lima skala Likert iaitu bermula dari sangat tidak setuju kepada sangat setuju. Skor bagi setiap pemboleh ubah diukur dengan mengambil skor purata untuk semua pernyataan yang mewakili pemboleh ubah berkenaan. Semakin tinggi skor pemboleh ubah yang didapati bererti sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku responden yang dikaji adalah semakin positif. Semakin tinggi skor untuk kecenderungan keusahawanan menunjukkan semakin tinggi kecenderungan keusahawanan dalam kalangan responden.

Jadual 1: Dimensi pengukuran untuk setiap pemboleh ubah

Pemboleh ubah	Dimensi yang diukur
Sikap peribadi	<ul style="list-style-type: none"> Kepercayaan bahawa keusahawanan memberikan lebih banyak kebaikan daripada keburukan Usahawan dianggap sebagai satu kerjaya yang menarik Minat untuk memulakan perniagaan Pandangan bahawa kerjaya sebagai usahawan memberikan kepuasan diri Usahawan sebagai pilihan kerjaya yang utama berbanding kerjaya lain
Norma subjektif	<ul style="list-style-type: none"> Mendapat galakan daripada keluarga untuk menceburi keusahawanan Penglibatan dalam keusahawanan mendapat sokongan daripada rakan-rakan Saudara mara memberi sokongan terhadap keputusan menjadi usahawan
Kawalan Tingkah Laku	<ul style="list-style-type: none"> Percaya bahawa usaha memulakan perniagaan adalah mudah dilakukan Mempunyai kesediaan untuk memulakan perniagaan jika mempunyai sumber dan peluang yang mencukupi Segala proses penubuhan perniagaan mampu dikawal Mempunyai pengetahuan tentang selok belok terperinci untuk memulakan perniagaan Mempunyai pengetahuan tentang semua keperluan dokumentasi dan teknikal untuk memulakan perniagaan Yakin bahawa peluang untuk berjaya dalam perniagaan boleh dicapai
Kecenderungan keusahawanan	<ul style="list-style-type: none"> Kesediaan menempuh cabaran untuk menjadi usahawan Menjadi usahawan merupakan pilihan kerjaya Usaha yang bersungguh-sungguh akan dilakukan sehingga tertubuhnya perniagaan Menubuhkan sebuah perniagaan merupakan satu azam yang telah ditetapkan Memulakan perniagaan merupakan satu usaha yang dilakukan secara bersungguh-sungguh Niat untuk memulakan perniagaan memang ada

Diadaptasi daripada Linan & Chen (2009)

Analisis Data

Bahagian ini memperihalkan hasil analisis data termasuk pengujian hipotesis. Jadual 2 menunjukkan 53.3% daripada responden adalah lelaki, manakala bakinya adalah perempuan.

Jadual 2: Jantina responden

Jantina	Jumlah	Peratus
Lelaki	32	53.3
Perempuan	28	46.7

Jadual 3 menunjukkan tahap pendidikan tertinggi responden sebelum mereka menyertai pusat latihan teknikal yang menjadi lokasi kajian. Peratusan terbesar responden adalah berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia.

Jadual 3: Tahap kelulusan akademik sebelum menyertai pusat latihan teknikal

Tahap Pengajian	Jumlah	Peratus
UPSR	3	5
PMR	3	5
SPM/STPM	53	88.3
Diploma	1	1.7

Ujian kebolehppercayaan

Kebolehppercayaan instrumen telah diuji menggunakan ujian konsistensi dalaman berdasarkan nilai Cronbach alpha. Jadual 4 menunjukkan nilai Cronbach-alpha bagi semua pemboleh ubah adalah lebih tinggi daripada 0.7 (Nunnally, 1978). Hal ini menunjukkan bahawa kebolehppercayaan instrumen kajian yang digunakan boleh diterima.

Jadual 4: Keputusan ujian kebolehppercayaan

Pemboleh ubah	Bilangan item	Cronbach alpha
Sikap peribadi	5	0.763
Norma subjektif	3	0.715
Kawalan tingkah laku	6	0.793
Kecenderungan keusahawanan	6	0.823

Statistik deskriptif untuk semua pemboleh ubah ditunjukkan dalam Jadual 5. Skor purata untuk sikap peribadi ialah 3.95 berbanding skor penuh 5.00, menunjukkan bahawa sikap peribadi responden terhadap keusahawanan adalah tinggi. Responden mempunyai sikap yang positif terhadap kerjaya sebagai usahawan. Skor purata untuk norma subjektif ialah 3.97/5.00. Skor ini menunjukkan bahawa responden dikelilingi oleh kawan-kawan, saudara mara dan ahli keluarga yang memandang secara positif terhadap keputusan responden untuk menceburi keusahawanan. Skor untuk kawalan tingkah laku pula ialah 3.67 berbanding skor penuh 5.00. Skor yang tinggi ini menunjukkan bahawa responden percaya bahawa cabaran berkaitan usaha menubuhkan dan menjalankan perniagaan akan dapat ditangani dan diuruskan oleh mereka. Seterusnya, skor untuk kecenderungan keusahawanan ialah 3.65/5.00. Skor ini menunjukkan tahap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan responden adalah tinggi. Dalam kata lain, responden mempunyai niat yang jelas dan sistematik ke arah hasrat menubuhkan perniagaan.

Jadual 5: Statistik deskriptif

Pemboleh ubah	Purata	Sisihan Piawai
Sikap peribadi	3.95	.553
Norma subjektif	3.97	.575
Kawalan tingkah laku	3.67	.691
Kecenderungan keusahawanan	3.65	.518

Sebagai ujian pra pengujian hipotesis, korelasi antara pemboleh ubah tidak bersandar

dan pemboleh ubah bersandar dinilai melalui korelasi Pearson seperti ditunjukkan dalam Jadual 6. Berdasarkan jadual, pekali koefisien untuk semua pemboleh ubah tidak bersandar (sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku) mempunyai korelasi signifikan dengan kecenderungan keusahawanan. Walau bagaimanapun, ujian seterusnya dilakukan menggunakan ujian regresi untuk mengenal pasti pemboleh ubah tidak bersandar yang mempunyai pengaruh yang paling kuat ke atas kecenderungan keusahawanan.

Jadual 6: Keputusan korelasi Pearson

Pemboleh ubah Tak Bersandar	Kecenderungan Keusahawanan
Sikap peribadi	0.70
Norma subjektif	0.60
Kawalan tingkahlaku	0.62

Pengujian Hipotesis

Hipotesis kajian diuji dengan menggunakan analisis regresi seperti dilaporkan dalam Jadual 7. Sebelum pengujian dilakukan, andaian-andaian untuk ujian regresi telah disemak untuk memastikan bahawa ujian regresi adalah sesuai dilakukan.

Jadual 7: Ujian regresi

Pemboleh ubah tidak bersandar	Koefisien Terlaras	t	sig	H
Sikap peribadi	.399	4.046	.000*	H1 = Sokong
Norma subjektif	.318	3.596	.001*	H2 = Sokong
Kawalan tingkahlaku	.297	3.164	.003*	H3 = Sokong

*p<.05; pemboleh ubah bersandar = kecenderungan keusahawanan

Keputusan dalam Jadual 7 menunjukkan ketiga-tiga hipotesis adalah disokong. Hal

ini bermakna sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku mempunyai hubungan signifikan dengan kecenderungan keusahawanan. Berdasarkan nilai koefisien terlaras, pengaruh terbesar ke atas kecenderungan keusahawanan adalah faktor sikap peribadi, diikuti norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Walau bagaimanapun, nilai R^2 terlaras menunjukkan perubahan dalam koefisien kecenderungan keusahawanan hanya boleh diterangkan sebanyak 63.6% oleh ketiga-tiga pemboleh ubah tidak bersandar yang dikaji. Walaupun nilai ini adalah tinggi bagi sebuah kajian sains sosial, ia menunjukkan masih terdapat pemboleh ubah peramal yang tidak dicakupi oleh model regresi ini. Perbincangan lanjut tentang penemuan kajian dibahasakan dalam bahagian seterusnya.

Perbincangan Hasil Kajian

Hipotesis pertama kajian iaitu terdapat hubungan antara sikap peribadi dan kecenderungan keusahawanan adalah disokong. Penemuan kajian ini adalah selari dengan kajian terdahulu (Robledo *et al.*, 2015; Dinc & Budic, 2016; Wach & Wojciechowski, 2016; Palupi & Santoso, 2017; Santi *et al.*, 2017). Seperti yang ditunjukkan dalam analisis deskriptif, skor purata untuk sikap peribadi ialah 3.95, iaitu menunjukkan bahawa responden kajian ini mempunyai sikap yang positif terhadap keusahawanan. Sikap positif ini menyumbang kepada kecenderungan keusahawanan mereka. Dalam kata lain, sikap berikut akan mendorong individu menceburi keusahawanan iaitu sikap bahawa keusahawanan merupakan satu kerjaya yang baik, keusahawanan memberikan individu kebebasan dalam membuat keputusan dan keusahawanan adalah satu kerjaya yang mempunyai banyak kelebihan.

Hipotesis kedua kajian iaitu terdapat hubungan antara norma subjektif dan kecenderungan keusahawanan, juga disokong. Keputusan ini adalah selari dengan Wach dan Wojciechowski (2016) serta Santi *et al.* (2017). Hal ini menunjukkan bahawa pelajar yang mendapat sokongan positif daripada individu

dalam lingkungan mereka sama ada ahli keluarga, kawan, pensyarah atau masyarakat awam mempunyai kecenderungan terhadap keusahawanan. Satu hujahan andaian yang boleh diberikan tentang hal ini ialah kebanyakan pelajar masih berharap agar mendapat pekerjaan dengan gaji yang baik setelah tamat belajar. Pelajar yang cemerlang sering dikaitkan dengan keupayaan mendapat pekerjaan yang bergaji tinggi. Justeru, sokongan daripada individu dalam lingkungan termasuk ibu bapa merupakan satu perkara yang penting kepada pelajar dalam membuat keputusan untuk bergelar usahawan. Seperti dilaporkan dalam literatur (Sarif & Amran, 2016), majoriti daripada pelajar masih cenderung untuk makan gaji berbanding dengan menjadi usahawan.

Hipotesis ketiga kajian iaitu terdapat hubungan antara kawalan tingkah laku dan kecenderungan keusahawanan adalah disokong. Penemuan ini adalah selari dengan literatur (Robledo *et al.*, 2015; Dinc & Budic, 2016; Krueger & Brazeal, 1994; Wach & Wojciechowski, 2016). Hal ini membuktikan bahawa individu yang menganggap bahawa cabaran dalam dunia keusahawanan adalah mudah untuk mereka uruskan, akan cenderung untuk menjadi usahawan. Dalam kata lain, kecenderungan keusahawanan adalah tinggi dalam kalangan individu yang mempunyai keyakinan bahawa mereka dapat menguruskan cabaran untuk mendapatkan modal perniagaan, memenuhi keperluan dokumentasi untuk menubuhkan perniagaan, serta menguruskan risiko perniagaan termasuk yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia, operasi, pemasaran dan kewangan. Bagi meningkatkan keyakinan individu terhadap keupayaan mereka menghadapi cabaran perniagaan, maka pembelajaran yang bersifat pengalaman sebenar adalah diperlukan selain daripada pembelajaran keusahawanan berbentuk teori. Hal ini kerana individu yang melalui pengalaman mengurus perniagaan akan dapat membina keyakinan untuk mengurus perniagaan yang lebih besar setelah tamat pengajian. Kajian Olugbola (2017) mengesahkan bahawa pelajar yang menerima latihan keusahawanan dapat membina keupayaan keusahawanan mereka.

Implikasi Hasil Kajian

Berdasarkan penemuan kajian ini, para pemegang taruh perlu mengambil strategi ke arah meningkatkan sikap positif pelajar terhadap keusahawanan, menyediakan sokongan yang mencukupi dan membina keyakinan diri untuk menjadi usahawan dalam kalangan pelajar. Dalam kata lain, pihak pengurusan di Pusat Giat MARA perlu melakukan penambahbaikan ekosistem keusahawanan di institusi masing-masing dengan mengambil kira faktor penentu yang dilaporkan dalam kajian ini. Hal ini boleh membantu Pusat Giat MARA meningkatkan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan serta membantu Pusat Giat MARA mencapai hasrat penubuhannya dalam melahirkan lebih ramai usahawan dalam bidang teknikal. Antara strategi yang boleh dilakukan ialah kurikulum keusahawanan perlu diperkemas supaya selari dengan perubahan yang berlaku dalam persekitaran perniagaan yang sebenar. Selain pembelajaran teori dalam kelas, pelajar perlu diberi pengalaman keusahawanan di lapangan misalnya melalui sandaran di industri, kiosk dan inkubator perniagaan dalam kampus, kemudahan pembiayaan modal dan perkongsian pengalaman dengan usahawan yang telah berjaya. Hal ini dapat membantu membentuk sikap positif pelajar terhadap keusahawanan, meningkatkan norma subjektif mereka serta menyakinkan mereka bahawa mereka mempunyai kawalan tingkah laku terhadap cabaran sebagai seorang usahawan.

Signifikan Kajian

Penemuan kajian ini mempunyai signifikan kepada teori dan praktis iaitu pihak kerajaan serta pengurusan Pusat Giat MARA. Dari sudut teori, penemuan kajian ini mengesahkan Teori Tingkah Laku Terancang yang membahaskan kecenderungan individu terhadap sesuatu perkara adalah disumbangkan oleh sikap peribadi, norma subjektif dan kawalan tingkah laku. Dari sudut praktis pula, pihak kerajaan dan pengurusan Pusat Giat MARA wajar mempertimbangkan polisi, strategi dan tindakan yang selari dengan pembentukan sikap, peningkatan norma subjektif

dan pengukuhan kawalan tingkah laku individu untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam bidang keusahawanan merangkumi peningkatan minda dan kemahiran keusahawanan.

Limitasi dan Cadangan Kajian Masa Depan

Walaupun kajian ini telah diadakan dengan memenuhi ciri satu kajian saintifik, terdapat beberapa limitasi yang perlu diambil kira dalam menginterpretasi hasil kajian. Walaupun data kajian adalah mencukupi untuk analisis statistik dilakukan, bilangan sampel yang kecil perlu diakui. Penggunaan saiz sampel yang lebih besar berkemungkinan menjana keputusan kajian yang berbeza. Justeru kajian pada masa akan datang disarankan untuk menggunakan saiz sampel yang lebih besar.

Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapat maklumbalas responden tentang pemboleh ubah yang diukur. Justeru penilaian adalah bersifat persepsi. Walaupun kajian sebegini telah diterima dengan meluas dalam literatur, limitasi yang terdapat pada kajian yang menggunakan soal selidik perlu diambil kira seperti soal selidik tidak dapat mengukur nilai definitif ke atas sesuatu pemboleh ubah. Kajian pada masa akan datang boleh menggunakan kaedah temu bual atau eksperimen untuk meneroka isu ini. Walaupun literatur menghujahkan bahawa terdapat korelasi signifikan antara kecenderungan dan tindakan sebenar, kajian lanjut tentang perhubungan antara kecenderungan dan penglibatan keusahawanan sebenar dalam kalangan lulusan pusat latihan teknikal adalah bermanfaat. Kajian boleh dilakukan dengan menggunakan pendekatan jeda masa jangka panjang.

Kesimpulan

Keusahawanan adalah pilihan pekerjaan yang dapat memberi manfaat peribadi kepada individu serta manfaat kepada pasaran pekerjaan dan ekonomi negara. Justeru pelajar perlu digalakkan untuk menceburi keusahawanan. Pelajar yang cenderung menjadi usahawan dihipotesis akan menjadi usahawan setelah tamat belajar.

Namun peranan pihak di sekeliling pelajar termasuk keluarga dan institusi pendidikan perlu diperkemas supaya kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan adalah positif. Hal ini kerana kecenderungan mereka ditentukan oleh sikap terhadap keusahawanan, norma subjektif dan kawalan tingkah laku, seperti yang telah dibuktikan dalam kajian ini.

Penghargaan

Pengarang merakamkan penghargaan kepada para penilai dalam maklum balas untuk meningkatkan makalah ini.

Rujukan

- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior, *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(6), 179-211.
- Dinc, M. S. & Budic, S. (2016). The impact of personal attitude, subjective norm and perceived behavior control on entrepreneurial intentions of women, *Eurasian Journal of Business and Economics*, 9(17), 23-35.
- Eresia-Eke, C., Shaun, d. V. & Jean-Claude, P. (2016). Study streams and student entrepreneurial intention, *Economica Acta Universitatis Danubius*, 12(5), 251-265.
- Fayolle, A. & Linan, F. (2014). The future of research on entrepreneurial intentions, *Journal of Business Research*, 67(5), 663-666.
- Global Entrepreneurship Monitor (2013). Akses melalui <https://www.gemconsortium.org/country-profile/86> pada 24 April 2018.
- Iwu, C. G., Ezeuduji, I. O., Eresia-Eke, C. & Tengeh, R. (2016). The entrepreneurial intention of university students: the case of University of Technology in South Africa, *Economica Acta Universitatis Danubius*, 12(1), 164-181.
- Krueger, N. D., Reilly, M. & Casrud, A. L. (2000). Competing models of entrepreneurial intentions, *Journal of Business Venturing*, 15, 411-432.
- Krueger, N. F. & Brazeal, D. V. (1994). Entrepreneurial potential and potential entrepreneurs, *Entrepreneurship Theory and Practice*, 18, 91-94.
- Linan, F. & Chen, Y. W. (2009). Development and cross-cultural application of a specific instrument to measure entrepreneurial intentions, *Entrepreneurship Theory and Practice*, 33(3), 593-617.
- Linan, F. & Fayolle, A. (2015). A systematic literature review on entrepreneurial intentions: Citation, thematic analyses, and research agenda, *International Entrepreneurship and Management Journal*, 11(4), 907-933.
- Nunnally, J. C. (1978). Assessment of Reliability. In: *Psychometric Theory* (2nd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Olugbola, S.A. (2017). Exploring entrepreneurial readiness of youth and startup success components: Entrepreneurship training as a moderator, *Journal of Innovation & Knowledge*, 2, 155-171.
- Palupi, D. & Santoso, B. H. (2017). An empirical study on the Theory of Planned Behavior: The effect of gender on entrepreneurship intention, *Journal of Economics and Accountancy Ventura*, 20(1), 71-79.
- Robledo, J. L. R., Aran, M. V., Martin-Sanchez, V. & Molina, M. A. R. (2015). The moderating role of gender on entrepreneurial intentions: A TPB perspective, *Intangible Capital*, 11(1), 92-117.
- Sarif, S. & Amran, A. (2016). Keusahawanan di kalangan mahasiswa: Kajian kecenderungan pelajar Muslim di Universiti Malaya, *Jurnal Syariah*, 14(1), 93-109.

- Santi, N., Hamzah, A. & Rahmawati, T. (2017). Pengaruh efikasi diri, norma subjektif, sikap berperilaku dan pendidikan kewirausahawan terhadap intensi berwirausaha, *Jurnal Inspirasi Bisnis & Manajemen*, 1(1), 63-74.
- Shapero, A. & Sokol, L. (1982). Social dimensions of entrepreneurship, (dlm) Kent, C., Sexton, D. & Vesper, C. (Ed), *The encyclopedia of entrepreneurship*, New York: Prentice-Hall
- Skosana, V.B. (2014). Entrepreneurial intentions of students at further education and training colleges in South Africa, *South African Journal of Higher Education*, 28(4), 1398-1413.
- Susanj, Z., Jakopec, A. & Krekar, I. M. (2015). Verifying the model of predicting entrepreneurial intention among students of business and non-business orientation, *Management*, 20(2), 49-69.
- Thompson, E. R. (2009). Individual entrepreneurial intent: construct clarification and development of internationally reliable metric, *Entrepreneurship Theory and Practice*, 33(3), 669-694.
- Torres, F. C., Mendez, J. C. E., Barreto, K. S., Chavarria, A. P., Machuca, K. J., Omana, J. A. (2017). Exploring entrepreneurial intentions in Latin America university students, *International Journal of Psychology Research*, 10(2), 46-59.
- Wach, K. & Wojciechowski, L. (2016). Entrepreneurial intentions of students in Poland in the view of Ajzen's Theory of Planned Behaviour, *Entrepreneurial Business and Economic Review*, 4(1), 83-94.

